# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 9 JUN 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | PENJANA BANTU PULIH DAN RANCAKKAN SEMULA SEKTOR AGROMAKANAN, SH -ONLINE<br>AGRICULTURAL FOOD OPERATORS CAN APPLY FOR LOW-INTEREST MICROLOANS, NATION, CHINA PRESS -A2<br>MICROCREDIT FINANCING SCHEME TO HELP AGROFOOD SMES WITH OPERATING COST, THE EDGE MARKET -ONLINE<br>MICROCREDIT FINANCING SCHEME TO HELP AGROFOOD SMES WITH OPERATING COST, HOME, BORNEO POST (KK) -7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 5. | PESAKIT DIABETES KENA SEDAR DIRI APABILA MAKAN DURIAN, SUARA SINAR, SH -16 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 6.<br>7.<br>8. | PELUANG PILIH SEKTOR AGROMAKANAN, NASIONAL, SH -15<br>NUTURING URBAN FARMING, THE STAR -ONLINE<br>FISH IN RIVER DIE DUE TO POISONING, AFFECTING LIVELIHOOD OF ORANG ASLI, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C5 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Penjana bantu pulih dan rancakkan semula sektor agromakanan



SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyifatkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang diumumkan kerajaan pada minggu lalu sebagai satu pelan komprehensif dan bertepatan bagi membantu memulihkan dan merancakkan semula sektor ekonomi termasuk agromakanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pengumuman bantuan-bantuan strategik menerusi Penjana itu dilihat bukan sahaja dapat membantu rakyat sepanjang tempoh pemulihan ekonomi yang bersifat fiskal ini tetapi juga akan dapat melonjakkan sektor agromakanan negara dari keadaan ekonomi yang terjejas.

Katanya, ia secara langsung dapat membantu golongan terkesan terutamanya mereka yang mengusahakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan golongan yang berada dalam kategori B40.

Katanya, pengusaha PKS agromakanan yang terkesan akan dapat terus menampung kos operasi melalui Skim Pembiayaan Mikrokredit di bawah Agrobank yang bernilai RM350 juta dengan kadar faedah serendah 3.5 peratus sahaja.

"Ini akan memberikan lebih banyak peluang kepada usahawan untuk mendapatkan semula modal pusingan untuk memulakan kembali perniagaan yang kehabisan modal disebabkan PKP, malah jumlah pembiayaan maksimum sebanyak RM50,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga lima tahun pula bagi memastikan pengusaha agromakanan tidak terbeban.

"Skim ini juga adalah sebagai galakan kepada usahawan baharu yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan, manakala bagi pengusaha sedia ada terutama peniaga pasar tani, pasar nelayan dan pasar pagi, skim ini boleh digunakan untuk memulakan semula perniagaan bagi menggantikan modal perniagaan yang terpaksa digunakan semasa tempoh PKP," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ronald berkata, selain itu, kerajaan juga menggalakkan pertanian bandar yang juga merupakan suatu trend global dengan menawarkan pakej yang menarik melalui sumbangan in-kind dalam bentuk bantuan input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur,peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada individu dengan nilai RM500 bagi setiap penerima dan RM50,000 bagi setiap komuniti.

Beliau berkata, golongan B40 terutama di Projek Perumahan Rakyat (PPR) amat digalakkan untuk mengusahakan antara lain tanaman jangka pendek (cash crop) terutama sayur-sayuran secara berkumpulan (komuniti).

Selain itu katanya, insentif yang disediakan kerajaan untuk memudahcara mobiliti tenaga pertanian kepada syarikat perintis bagi melatih dan mengajar tenaga kerja menceburi peluang dalam pertanian serta perladangan juga akan dapat menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi bidang agromakanan terutama mereka yang kehilangan pekerjaan, tetapi berminat dengan bidang agromakanan.

Dalam pada itu katanya, inisiatif kempen e-dagang yang diumumkan juga selaras dengan inisiatif yang dimulakan oleh kementerian sejak awal PKP dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan lebih daripada 50 platform e-dagang yang memasarkan produk pertanian terus kepada pengguna (B2C) sudah dikenalpasti.

"Bagi menjayakan inisiatif kempen e-dagang di bawah Penjana, pihaknya bersedia dan akan terus bekerjasama dengan agensi peneraju serta platform e-dagang terpilih yang bersedia memberikan 'latihan on boarding', subsidi jualan, dan khidmat sokongan jualan untuk memastikan golongan sasar di bawah kementerian mendapat manfaat daripada kemudahan yang disediakan.

"Saya amat menggalakkan penggunaan e-dagang oleh pengusaha agromakanan sebagai platform pemasaran yang efektif dalam menembusi pasaran dalaman dan global pada masa akan datang. Kita juga berperanan sebagai pemudahcara dalam menjayakan setiap pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan," katanya.

Ronald berkata, kementerian juga sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) pertama dan kedua serta kini untuk Penjana bagi memastikan sektor agromakanan dapat pulih dengan segera di setiap peringkat rantaian makanan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi serta berkhasiat.

"Terdapat pelbagai skim, program dan insentif yang komprehensif telah diumumkan oleh Perdana Menteri dan semua ini mesti dilaksanakan dengan cepat, tepat dan efisien supaya dimanfaatkan oleh rakyat.

"Secara umumnya, inisiatif-inisiatif yang diumumkan itu kesemuanya amat bertepatan dan akan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing dengan terus menyumbang kepada industri agromakanan negara," katanya.

| Headline | Agricultural food operators can apply for low-interest microloans | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Jun 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A2 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 113 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,229 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,687 |



# 農食品業者可申請低息微貸



■罗南建迪

（吉隆坡8日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，受新冠肺炎（2019冠状病毒疾病）疫情影响的农业领域中小型企业业者，可透过国家经济重建计划（PENJANA）向农业银行申请低至3.5%的微型贷款。

他今日发文告说，申请者可透过该微型贷款最高5万令吉，还款期长达5年。

"早前企业家因行动管制令耗尽资金，这可提供他们更多机会获得资金周转，重启生意。"

他说，上述微型贷款也可作为有意投身农业食品领域的新企业家的创业基金，至于现有业者如农民市场、渔民市场和早市业者，也可以此作为他们的经商资本。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2020 | THE EDGE MARKET | ONLINE | |

# Microcredit financing scheme to help agrofood SMEs with operating cost



KUALA LUMPUR (June 8): Small and medium enterprises (SMEs) involved in the agrofood sector affected by the movement control order (MCO) can cover their operating cost through the Microcredit Financing Scheme under Agrobank, worth RM350 million at an interest rate of only 3.5%.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said this would provide more opportunities for entrepreneurs to recover their working capital to restart their businesses.

"The maximum financing amount of RM50,000 with a repayment period up to five years is done to avoid burdening agrofood entrepreneurs," he said in a statement today.

He added that the scheme was also to encourage new entrepreneurs to venture into the sector as a start-up capital while also helping existing entrepreneurs, especially farmers market, fisherman's market and morning market traders to restart their businesses after the MCO period.

Last Friday, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin announced the government's RM350 million allocation through the Agrofood Fund loan facility to ensure the sustainability of agricultural and commodity entrepreneurs in the agriculture and food sectors under the National Economic Recovery Plan (Penjana).

Meanwhile, Kiandee said the ministry would continue to cooperate with leading agencies and selected e-commerce platforms to activate the e-commerce campaign initiative under Penjana.

He said the ministry encouraged agrofood entrepreneurs to utilise e-commerce as an effective marketing platform to penetrate local and global markets in the future.

"The ministry is prepared and will work together with leading agencies and selected e-commerce platforms to offer onboarding training, provide sales subsidies and sales support services to ensure target groups received the benefits," he said.

Kiandee said the ministry was working with several e-commerce platforms to enable farmers to market their agricultural products in bulk, among which are Ourshop Airasia, Dropee and Farm2Table.

He added that the latest focus on the farm-to-business market segment involved the matching of agricultural producers and entrepreneurs under the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM), Farmers' Organisation Authority (LPP) and Department of Agriculture.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Microcredit Financing Scheme to help agrofood SMEs with operating cost | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 09 Jun 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 7 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 76 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 212 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 636 |



# Microcredit Financing Scheme to help agrofood SMEs with operating cost

**KUALA LUMPUR:** Small and Medium Enterprises (SMEs) involved in the agrofood sector affected by the Movement Control Order (MCO) can cover their operating cost through the Microcredit Financing Scheme under Agrobank, worth RM350 million at an interest rate of only 3.5 per cent.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said this would provide more opportunities for entrepreneurs to recover their working capital to restart their businesses.

"The maximum financing amount of RM50,000 with a repayment period up to five years is done to avoid burdening agrofood entrepreneurs," he said in a statement yesterday.

He added that the scheme was also to encourage new entrepreneurs to venture into the sector as a startup capital while also helping existing entrepreneurs, especially farmers market, fisherman's market and morning market traders to restart their businesses after the MCO period.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/6/2020 | SINAR HARIAN | SUARA SINAR | 16 |

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

# Pesakit diabetes kena sedar diri apabila makan durian

**MESEJ-MESEJ** kumpulan WhatsApp kawan-kawan Merak Jalanan kini mula dipenuhi dengan gambar-gambar buah durian.

Ada yang tayang isinya berwarna kuning keemasan, putih gebu, lemak manis dan penuh berkrim.

Daripada jenis durian kampung, sampailah ke musang king, udang merah, IOI, D24 dan blackthorn yang memang popular dalam kalangan penggemar raja buah itu.

Berdasarkan bancian oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada tahun 2006, daripada 1,098 responden, terdapat sebanyak 96 peratus gemar makan durian.

Di Malaysia, keluasan tanaman pokok durian yang direkodkan pada tahun lalu adalah sekitar 110,000 hektar dengan beberapa negeri mendominasi tanaman durian iaitu di Perak, Johor dan Pahang.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan pengeksportan durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes ke China sebanyak 223,716 tan metrik dengan nilai eksport sebanyak RM350 juta pada tahun lalu.

Secara amnya, durian mengandungi 65 peratus air, 27 peratus karbohidrat termasuk empat peratus serat, lima peratus lemak dan satu peratus protein.

Dalam satu cawan 250 gram isi durian (dua atau tiga ulas durian) mempunyai 360 kilokalori (kCal) yang kebanyakannya lemak dan karbohidrat.

Berdasarkan keperluan tenaga dewasa, pengambilan secawan isi durian hampir memenuhi jumlah kalori diperlukan seseorang untuk makan pagi, tengah hari atau makan malam.

Bagi pesakit diabetes, mereka tidak digalakkan mengambil durian dalam jumlah yang banyak kerana durian mengandungi karbohidrat iaitu gula dalam bentuk glukosa dan fruktosa yang tinggi.

Mereka yang menghidap diabetes kenalah beringat kalau hendak makan durian. Seorang doktor pernah pesan kepada Merak Jalanan, kalau hendak makan sebiji tidak boleh tapi seulas, dua pun sudah cukup.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Peluang pulih sektor agromakanan

Penjana pelan komprehensif, bantu pulih dan rancakkan aktiviti ekonomi

Oleh HASNIZA HUSSAIN

**SHAH ALAM**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyifatkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang diumumkan kerajaan pada minggu lalu sebagai pelan komprehensif memulihkan dan merancakkan semula sektor ekonomi termasuk agromakanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pengumuman bantuan strategik menerusi Penjana itu dilihat bukan sahaja membantu rakyat tetapi akan melonjakkan sektor agromakanan negara daripada ekonomi yang terjejas.

Ronald berkata, ia secara langsung membantu golongan terkesan terutamanya mereka yang mengusahakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan golongan yang berada dalam kategori B40.

Katanya, pengusaha PKS agromakanan yang terkesan dapat menampung kos operasi melalui Skim Pembiayaan Mikrokredit di bawah Agrobank yang bernilai RM350 juta dengan kadar faedah serendah 3.5 peratus.

"Ini memberikan lebih banyak peluang kepada usahawan mendapatkan semula modal pusingan mereka.

"Jumlah pembiayaan maksimum sebanyak RM50,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga lima tahun pula bagi memastikan pengusaha agromakanan tidak terbeban.

"Skim itu juga menggalak usahawan baharu yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan.

"Bagi pengusaha sedia ada terutama peniaga pasar tani, pasar nelayan dan pasar pagi, skim tersebut boleh digunakan untuk memulakan semula perniagaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ronald berkata, kerajaan menggalakkan pertanian bandar yang merupakan satu trend global dengan menawarkan pakej menarik melalui sumbangan *in-kind* berbentuk bantuan benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada individu dengan nilai RM500 setiap penerima dan RM50,000 bagi setiap komuniti.

Jelasnya, golongan B40 terutama di Projek Perumahan Rakyat amat digalakkan mengusahakan antara lain tanaman jangka pendek (*cash crop*).

Beliau berkata, inisiatif kempen e-dagang yang diumumkan selaras dengan inisiatif kementerian sejak awal PKP dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan lebih daripada 50 platform e-dagang memasarkan produk pertanian terus kepada pengguna (B2C) sudah dikenal pasti.

Ronald berkata, kementerian juga melaksanakan beberapa inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) pertama dan kedua serta kini untuk Penjana bagi memastikan sektor agromakanan segera pulih.



**Ronald (dua dari kiri) ketika mengadakan lawatan ke tapak jualan produk hasil tani pada Mac lalu.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2020 | THE STAR | ONLINE | |

## Nurturing urban farming



**Zuraida (centre) being taken on a tour of Kebun-Kebun Bangsar by its co-founder Sek San (left). — SAMUEL ONG/The Star**

NEW laws will be enacted to support urban farming which plays a key role in providing food security for needy communities.

Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said the ministry and the National Landscape Department (JLN) planned to create a new standard operating procedure (SOP) for the initiative.

"I see that urban farms provide a unique educational tool to engage communities of all ages.

"It is time our ministry adopt a new model towards supporting productive, sustainable farming practices in urban environments," she said.

She added that the ministry would set up a committee with Tenaga Nasional Bhd (TNB), Federal Territories Land and Mines Office, Drainage and Irrigation Department and relevant non-governmental organisations in drawing up the new guidelines.

Zuraida was speaking to reporters after visiting Kebun-Kebun Bangsar (KKB) in Lorong Bukit Pantai, Kuala Lumpur.

Also present were ministry secretary-general (policy and development) Datuk Dr Mary Wong Lai Lin, JLN director-general Rotina Mohd Daik as well as several sustainability and urban farming experts from NGOs across the Klang Valley.

KKB is one of many self-sustaining urban farms being used as a model by the ministry in developing legislation.

Established in 2017, it occupies about 1ha of land under high-tension electricity cables.

Zuraida hopes to encourage more urban gardens like KKB, which will be led by NGOs that have the expertise in setting up and maintaining such establishments after initial government funding.

"Anyone concerned about urban farms can approach the relevant authorities and we may incorporate some of their input in creating the SOP," she said.

KKB co-founder Ng Sek San said that until there were laws to protect urban farming, people would take advantage of loopholes to shut down such operations.

"Under our old agreement with TNB and Kuala Lumpur City Hall (DBKL), we were not allowed to keep animals and we were issued a notice by DBKL to remove our animals in February following a complaint by a resident in the area.

"The existing by-laws are too archaic and have not been updated since the 1970s," said Sek San, adding that they were also in the midst of applying for a new lease as the old one had expired.

Local resident BK Ng, who volunteers at the farm, said it had had a positive impact on the community and was great for teaching young children about nature.

"There is no bad smell or excessive noise from the farm.

"The cars and motorcycles zooming past the houses are much louder.

"Most of the neighbours want the farm to remain.

"I have submitted some of their support letters to KKB to be forwarded to DBKL," added BK.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fish in river die due to poisoning, affecting livelihood of orang asli | | |
| MediaTitle | China Press (Johor) | | |
| Date | 09 Jun 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,804 |
| Page No | C5 | Readership | 59,412 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 282 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,845 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,536 |



# 森波浪河魚被毒死

## 影響原住民生計



■谢奥马（坐者左2起）与林天养在数名原住民陪同下，坐小船巡视森波浪河。

（加亨8日讯）疑有人在森波浪河里下毒捉鱼，导致河里出现大量死亡的小鱼，腐烂发臭！

鱼只大量死亡，也令以捉鱼为生的加亨廿六碑双溪柏鲁（Sungai Peloh）原住民村村民，无法捉到鱼，严重影响了生计。

民行动党巴罗区州议员谢奥马今早在接获村民投诉后，在该党加亨支部主席林天养陪同下，到该原住民村了解情况，村民也用小船载著谢奥马等人巡视其中一段河流。

谢奥马表示非常关注该河的鱼群被毒死事件，他谴责缺德者为了私利而下毒捕鱼，污染了水源。

他披露，将向渔业部与环境部反映有关问题，并要求2部门派人在河流巡视。



■森波浪河内的鱼群疑被毒死。